

Bajet 2017 jamin kebajikan isi rumah B40, M40: Johari

➔ Kerajaan dijangka selesai isu biayai rumah mampu milik

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Kerajaan memberi jaminan sebarang keputusan yang akan dibuat dalam Bajet 2017 tidak akan menjejaskan kebajikan kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) dan pertengahan 40 peratus (M40).

Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani, berkata bajet tahun depan akan dirancang berdasarkan pendapatan yang diperoleh negara ketika ini serta pendapatan yang dijangka diperoleh pada tahun depan.

Katanya, Kementerian Kewangan kini sedang merangka

secara teliti Bajet 2017 bagi memastikan kedua-dua kumpulan isi rumah terbabit tidak terjejas dalam mengharungi kehidupan di tengah persekitaran ekonomi yang mencabar.

Dalam Bajet 2017 juga, beliau berkata, kerajaan dijangka mengumumkan langkah bagi menyelesaikan masalah pembiayaan bagi rumah mampu milik yang dibangunkan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

“Kini wujud jurang dari segi memperoleh pembiayaan bagi jumlah harga belian hartanah memandangkan bank tidak menyediakan pinjaman penuh yang pembeli mahukan.

“Kita sedang melihat mengenai perkara ini. Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Razak) dijangka mengumumkan mengenai perkara ini,” katanya ketika ditemui selepas pelancaran Bursa Malaysia-i di Kuala Lumpur, semalam.

Insentif bakal diumumkan

Beliau berkata demikian bagi mengulas peruntukan dan insentif bakal diumumkan dalam Bajet 2017 yang akan



Kini wujud jurang dari segi memperoleh pembiayaan bagi jumlah harga belian hartanah memandangkan bank tidak menyediakan pinjaman penuh yang pembeli mahukan”

Johari Abdul Ghani,
Menteri Kewangan II

dibentangkan di Parlimen bulan depan.

Mengenai pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), Johari menegaskan bantuan kewangan berkenaan akan diteruskan dalam Bajet 2017.

Lagipun, katanya, ia adalah dasar yang kerajaan komited untuk laksanakan.

Sementara itu, Johari menyelar tindakan pihak yang menyebarkan maklumat yang tidak benar mengenai kedudukan ekonomi negara kerana perbuatan sedemikian tidak menguntungkan negara.

Sebagai ekonomi terbuka, beliau berkata, Malaysia tidak terlepas daripada menerima tempias ketidaktentuan ekonomi luaran.

“Namun begitu, ekonomi negara masih mencatatkan prestasi yang baik jika berbanding dengan negara serantau lain, meskipun berdepan persekitaran mencabar, katanya.

Mengenai kebimbangan paras hutang kerajaan, Johari menjelaskan, paras hutang kerajaan adalah terurus selagi mempunyai kemampuan untuk membayar semula hutang.